

TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA

SESI BERSAMA PRESIDEN
25 FEBRUARI 2026 (RABU)
9.00 PAGI
AUDITORIUM ANGKASA

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh, salam sejahtera, salam
Malaysia Madani dan Salam Koperasi.

1. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Syukur ke hadrat ALLAH S.W.T. kerana dengan izin-Nya kita dapat berkumpul pada hari ini dalam Sesi Bersama Presiden bagi bulan Februari 2026.

2. Selamat datang diucapkan kepada semua kepimpinan, pengurusan dan kakitangan ANGKASA serta anak syarikat, baik di peringkat pusat mahupun negeri.

Warga ANGKASA yang dikasihi,

3. Pertama sekali ingin saya mewakili seluruh kepimpinan ANGKASA mengucapkan selamat menyambut Ramadan Al Mubarak 1447 Hijrah. Kita semua maklum bahawa Ramadan ialah bulan ibadah. Namun dalam masa yang sama tanggungjawab kita kepada organisasi tetap berjalan seperti biasa. Operasi tidak berhenti, perkhidmatan kepada anggota tidak tertangguh dan sasaran yang telah kita tetapkan masih perlu dicapai tanpa sebarang kompromi.
4. Saya ingin tekankan bahawa sepanjang Ramadan ini, kita bekerja seperti biasa. Terdapat beberapa

kelonggaran yang diberikan bukan bermaksud kelonggaran terhadap hasil kerja. Kita masih bertanggungjawab memastikan setiap tugas diselesaikan mengikut jadual dan setiap perkhidmatan diberikan dengan baik.

5. Pengurusan telah memberi kemudahan untuk kakitangan pulang seawal jam 4 petang. Ini adalah ruang untuk saudara-saudari membuat persiapan berbuka puasa dan meluangkan masa bersama keluarga. Saya harap masa bekerja yang ada dimanfaatkan sebaiknya supaya tidak timbul isu kerja tertangguh atau prestasi merosot.

6. Ramadan sebenarnya mendidik kita untuk terus fokus dalam apa juga cabaran. Apabila kita menahan diri daripada makan dan minum, kita juga dilatih untuk mengawal percakapan dan sikap. Ini sangat penting dalam suasana kerja yang memerlukan

kesabaran dan kematangan dalam berurusan.

7. Hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Imam Muslim, Rasulullah SAW bersabda bahawa Allah berfirman: *“Setiap amalan anak Adam adalah untuknya kecuali puasa. Sesungguhnya puasa itu untuk-Ku dan Aku sendiri yang akan membalasnya.”* Hadis ini menunjukkan bahawa puasa mempunyai nilai istimewa di sisi Allah. Maka setiap kerja yang kita lakukan dalam keadaan berpuasa, jika diniatkan kerana Allah dan dilakukan dengan amanah, insya-Allah termasuk dalam ganjaran yang besar.

Warga ANGKASA yang dikasihi,

8. Dalam satu lagi hadis riwayat Imam al-Bukhari, Rasulullah SAW mengingatkan bahawa sesiapa yang tidak meninggalkan perkataan dusta dan perbuatan dusta, maka Allah tidak berhajat kepada puasanya. Ini

menjadi peringatan kepada kita supaya menjauhi sikap sambil lewa dalam bekerja, manipulasi fakta atau kelewatan yang disengajakan dalam tugas.

9. Ramadan juga mendidik kita tentang kesabaran. Dalam organisasi sebesar ANGKASA yang melibatkan ibu pejabat dan anak-anak syarikat, pasti ada cabaran dan perbezaan pandangan. Gunakan bulan ini untuk memperbaiki hubungan kerja dan memperkukuh semangat antara setiap kakitangan dan juga warga pengurusan.
10. Saya menyeru kepada semua ketua bahagian pusat dan pengurusan anak syarikat supaya memastikan penyelarasan tugas berjalan lancar sepanjang bulan ini. Walaupun waktu bekerja disesuaikan, mutu penyampaian perkhidmatan mesti kekal terjaga. Kepercayaan

pemegang taruh kepada kita tidak boleh terjejas walau sedikit pun.

11. Kita juga akan memasuki bulan Mac 2026 di mana akan mengakhiri suku tahun pertama bagi tahun ini. Pastikan dalam bulan Ramadan ini sasaran yang telah digariskan masih dicapai dan mendapat komitmen daripada semua pihak. Setiap bahagian memainkan peranan penting dalam memastikan keseluruhan organisasi bergerak ke hadapan.

12. Saya yakin warga ANGKASA adalah warga kerja yang profesional dan matang. Kelonggaran waktu yang diberi juga adalah tanda kepercayaan pengurusan terhadap komitmen saudara-saudari. Jagalah kepercayaan ini dengan menunjukkan hasil kerja yang berkualiti dan konsisten.

13. Akhir kata marilah kita menjadikan Ramadan ini sebagai medan memperbaiki diri dan memperkuat iltizam dalam pekerjaan. Semoga setiap usaha yang kita lakukan sepanjang bulan yang mulia ini bukan sahaja memberi manfaat kepada organisasi dan gerakan koperasi, malah menjadi amal soleh yang diterima dan diberkati Allah SWT.

Sekian, terima kasih.

Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.